

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

HMT 501 - Fonetik dan Fonologi Bahasa Malaysia Lanjutan

Masa 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT** bahagian. **Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.**

Bahagian A: Soalan WAJIB dijawab.

1. Jawab (a), (b) DAN (c).

(a) Apakah kepentingan-kepentingan transkripsi fonetik dalam suatu bahasa?

[7 markah]

(b) Huraikan perkara di bawah:

(i) transkripsi tanggapan

(ii) transkripsi sistematik

[8 markah]

(c) Transkripton teks di bawah ke bahasa Melayu dialek Johor Riau.

“Makalah ini mengkaji peranan bahasa kiasan (trop) – khususnya peranan analogy dan metafora, reifikasi dan perumpamaan, personifikasi, dan penghaiwanan – yang terdapat dalam dua teks sains peringkat pengenalan. Bertentangan dengan pendapat popular, kiasan seperti personifikasi dan penghaiwanan memainkan peranan penting, malah lebih penting daripada analogy dalam penyampaian bahan. Makalah ini meneliti tema-tema metaforik yang dominan – seperti peperangan dan perburuan, keluarga dan hubungan-hubungan lain – serta topik-topik khusus yang berkaitan dengan tema-tema tersebut.”

Sumber: *Jurnal Dewan Bahasa*, Mac 2001, hal 55

[10 markah]

Bahagian B: Jawab Soalan No. 2 ATAU Soalan No. 3.

2. Jawab (a), (b) DAN (c).

Dengan bantuan gambarajah dan contoh-contoh yang sesuai, huraikan cara penghasilan bunyi-bunyi segmental yang berikut:

(a) bunyi letupan [p], [b], [t] dan [d]

(b) bunyi getaran [r]

[25 markah]

3. Jawab (a), (b) DAN (c).

Dengan bantuan gambarajah, huraikan perkara yang berikut:

- (a) kelantangan
- (b) nada
- (c) bunyi periodik
- (d) bunyi nasal
- (e) bunyi sisan

[25 markah]

Bahagian C: Soalan WAJIB dijawab.

4. Jawab (a) DAN (b).

Perhatikan DATA 1, dialek Johor Riau (DJR) dan DATA 2, DJR dan dialek Petani Gerik (DPG) di bawah.

DATA 1				
DJR				
(i)	/malam/	[maɔlam]		'malam'
(ii)	/kuriɔ/	[kureɔ]		'kering'
(iii)	/di + atas/	[diɔatas]		'di atas'
(iv)	/tuah/	[tuwah]		'tuah'
(v)	/bur + satu/	[busatu]		'bersatu'
DATA 2				
	DJR	DPG		
(i)	/kaɔkuɔ/	[kaɔkoɔ]	[kakoɔɔ]	'kangkung'
(ii)	/suam/	[suwam]	[suwɔɔɔ]	'suam'
(iii)	/pantun/	[panton]	[patoɔɔ]	'pantun'

- (a) Berdasarkan DATA 1, nyatakan rumus-rumus yang berlaku dalam dialek Johor Riau (DJR).
[10 markah]
- (b) Berdasarkan DATA 2, nyatakan ketertiban rumus bagi perkataan-perkataan dialek Petani Gerik (DPG).
[15 markah]

Bahagian D: Jawab Soalan No. 5 ATAU Soalan No. 6.

5. Jawab (a) DAN (b).

- (a) Dengan menggunakan representasi Sagey (1986), tuliskan fitur-fitur yang dimiliki oleh fonem-fonem dialek Johor Riau (DJR) di bawah.
- (i) vokal /a/
(ii) vokal /i/
(iii) vokal /u/
(iv) konsonan /p/
(v) konsonan /g/
- [10 markah]
- (b) Dengan menggunakan teori autosegmental dan representasi Sagey (1986), tunjukkan perubahan-perubahan fonologi yang berlaku dalam DATA 3 di bawah.

DATA 3		
(i)	Dialek Johor Riau /kakak/ [kaka□]	Sistem tulisan 'kakak'
(ii)	Dialek Perak /panas/ [panah]	Sistem tulisan 'panas'
(iii)	Dialek Kedah /tukar/ [tuka□]	Sistem tulisan 'tukar'

[15 markah]

6. Dalam DATA 4 di bawah, terangkan proses-proses fonologi yang berlaku di dalam dialek Kedah (DK). Jawapan anda perlulah menggunakan teori autosegmental dan representasi Clements and Keyser (1983).

DATA 4	DK	Sistem tulisan
(i) /bagus/	[bagoih]	'bagus'
(ii) /sambal/	[sambai]	'sambal'

[25 markah]

- ooo 0 ooo -